

## Manifesto

## BERSAMA BN HEBATKAN NEGARAKU



## PERKASA DIGITAL

- Mengurangkan kos pergambilan pembantu rumah asing melalui pengenalan Sistem Pembantu Rumah Dalam Talian.
- Menggubal Akta Berita Palsu bagi menjaga keharmonian dan ketenteraman awam serta kestabilan ekonomi.
- Menggubal Akta Dana Politik bagi memantau sumbangan dan perbelanjaan parti politik di Malaysia.
- Mewujudkan Ombudsman untuk menyiasat sebarang aduan awam mengenai ketidakadilan dan kelemahan perkhidmatan Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.
- Meningkatkan ketelusan PBT dengan mewajibkan siaran langsung setiap kali ahli majlis bermesyuarat.
- Mendedahkan laporan audit tahunan PBT untuk tatapan awam.
- Mewajibkan Town Hall bersama penduduk secara berkala yang akan dilaksanakan oleh PBT.
- Merealisasikan transformasi PBT dengan mengaplikasikan keterbukaan maklumat.
- Menubuhkan Jawatankuasa Terpilih Parlimen dalam memperhalusi serta memberi maklum balas mengenai isu berkepentingan awam.

## KEMAMPAAN DAN KEMAKMURAN EKONOMI NEGARA

# Ekosistem ekonomi digital disemarak

➔ Kerajaan BN beri rakyat akses, pekerjaan berpendapatan tinggi

**B**arisan Nasional (BN) akan terus memperkasakan ekonomi digital, yang disasarkan bakal menjadi antara penyumbang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sebanyak 25 peratus menjelang 2023.

Ekonomi digital menjadi bidang ekonomi baharu yang akan terus diperkasakan dengan memberikan rakyat akses dan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Ya janji yang terkandung dalam Manifesto BN, yang dilancarkan Datuk Seri Najib Razak, malam tadi.

Bagi merealisasikan peningkatan sumbangan ekonomi digital kepada KDNK, BN berjanji akan terus memperkasakan ekosistem ekonomi digital melalui geran permulaan, dana pembangunan teknologi dan kerjasama pintar syarikat tempatan dengan ikon teknologi luar negara.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga bakal disemarakkan melalui peningkatan pelaburan langsung asing dalam sektor tertumpu untuk mencipta lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi.

**Geran dan jaminan kredit** Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga bakal diperkasakan melalui transformasi digital, dengan menyediakan geran dan peluang jaminan kredit bagi memperluas akses pasaran baharu antarabangsa.

BN komited dengan peningkatan ekonomi digital ini kelak dapat mewujudkan satu juta usahawan digital dalam tempoh lima tahun akan datang.

Pada peringkat asas, BN berjanji mewujudkan peluang latihan di-



Peluang latihan digital di Pusat Internet 1Malaysia menyediakan belia luar bandar untuk pekerjaan alaf baharu

gital di Pusat Internet 1Malaysia bagi menyediakan belia luar bandar untuk pekerjaan alaf baharu.

Selain itu, BN juga komited memacu negara ke arah Revolusi Industri 4.0, bagi mencerahkan data besar dalam perencanaan dasar awam dan menentukan hala tuju teknologi tuntas.

### Tambah aplikasi atas talian

Najib berkata, BN juga komited dalam usaha menuju ke arah kerajaan digital melalui penambahan aplikasi atas talian demi meningkatkan tahap kecekapan, membasmi rasuah dan meminimumkan ketirisan dalam perkhidmatan awam.

BN bakal memperkenalkan aplikasi iKepoh bagi membolehkan orang awam membuat aduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui telefon pintar.

BN percaya penyertaan rakyat dalam membantu kerajaan membuat keputusan adalah mustahak, memenuhi kehendak masyarakat dengan berlandaskan kebenaran dan keberterangjawaban.

Lantaran itu, BN berjanji akan mewujudkan sistem maklumat bantuan rakyat Malaysia dikenali sebagai B40 Window, yang merentasi Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan untuk memastikan tiada keciciran, ketirisan atau ketidakadilan dalam pemberian bantuan.

Bagi memastikan setiap rakyat dapat bersama kerajaan dalam transformasi digital, BN berjanji mewujudkan sekurang-kurangnya satu Pusat Internet di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk kegunaan masyarakat setempat dengan kelajuan minima 20 mbps.



**BN berjanji** terus memperkasakan ekosistem ekonomi digital melalui geran permulaan dan dana pembangunan teknologi.